

## PERANAN FATWA KONTEMPORARI DALAM DAKWAH ZAKAT MASA KINI DI NEGERI SELANGOR

### *Contemporary Fatwa in Present Zakat Preaching in The State of Selangor*

<sup>i\*</sup>Zubair bin Amir Nur Rashid

<sup>ii</sup>Naimah binti Mohamad Nasir

<sup>iii</sup>Nor Hanani binti Ahmad

<sup>iv</sup>Anhar bin Opir

<sup>i</sup>Jabatan Mufti Negeri Selangor, 40000 Shah Alam, Selangor,

[zubair@muftiselangor.gov.my](mailto:zubair@muftiselangor.gov.my)

<sup>ii</sup>Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, 62100, Putrajaya,

[naimah@muftiwp.gov.my](mailto:naimah@muftiwp.gov.my),

<sup>iii</sup>Jabatan Mufti Negeri Selangor, 40000 Shah Alam, Selangor,

[hanani@muftiselangor.gov.my](mailto:hanani@muftiselangor.gov.my)

<sup>iv</sup>Jabatan Mufti Negeri Selangor, 40000 Shah Alam, Selangor,

[anhar@muftiselangor.gov.my](mailto:anhar@muftiselangor.gov.my).

\*(Corresponding author) e-mail: [zubair@muftiselangor.gov.my](mailto:zubair@muftiselangor.gov.my)

---

### ABSTRAK

Fatwa kontemporari zakat menjadi elemen penting seiring dakwah zakat masa kini supaya peranan zakat mencapai objektif asalnya iaitu memberi manfaat kepada umat Islam. Artikel ini menjelaskan tentang fatwa-fatwa zakat yang diterbitkan oleh institusi kefatwaan di Selangor serta peranannya dalam menghuraikan kepelbagaian isu kontemporari yang perlu diketengahkan supaya zakat terus diperkasakan di negeri Selangor di samping memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan zakat seterusnya menjadi *wasīlah* kepada dakwah zakat masa kini. Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan sekunder dengan merujuk kepada perbincangan ulama, kitab-kitab turāth, kertas-kertas fatwa, laporan-laporan institusi zakat dan sebagainya bagi menjelaskan fatwa kontemporari yang terdapat di negeri Selangor. Hasil kajian mendapati fatwa-fatwa semasa berkaitan zakat di negeri Selangor berperanan meningkatkan kesedaran dan membantu memulihkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Di samping itu, kepercayaan masyarakat ini boleh meningkatkan lagi kutipan zakat yang akan membawa manfaat kepada asnaf.

**Kata Kunci:** Isu kontemporari, peranan fatwa, dakwah zakat

### ABSTRACT

In order to fulfill the original purpose of zakat, which is to assist Muslims, the contemporary fatwa on zakat becomes crucial in addition to the preaching

of zakat. This article explains the zakat fatwa's published by the fatwa institution in Selangor, describing the variety of contemporary issues that need to be highlighted so that zakat continues to be empowered in the state of Selangor, in addition to giving awareness to the community of the importance of zakat and becoming a *wasilah* for the current zakat preaching. This article uses secondary research methods by referring to scholars' views, religious books, fatwa papers, reports of zakat institutions, and so on to explain contemporary fatwas in the state of Selangor. The results of the study found that the current fatwa in Selangor plays an important role in restoring community trust in zakat institutions and can further increase zakat collection, which will bring benefits to Asnaf.

**Keywords:** Contemporary issues, fatwas role, zakat preaching

## PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu instrumen ekonomi terpenting dalam Islam terutama dalam pembentukan negara dan masyarakat yang harmoni. Ia menjadi salah satu kaedah pengurusan kewangan yang boleh membasmi kemiskinan serta mekanisme ibadah yang dapat menyucikan harta dan jiwa individu muslim. Perkara ini disebutkan oleh Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 103 dengan lafaz (تَطَهَّرْهُمْ وَتُنَزِّهِمْ بِهَا). Menurut Imam al-Ṭabarī, perkataan tersebut membawa maksud zakat dapat membersihkan dosa-dosa mereka<sup>1</sup>.

Membayar zakat merupakan rukun Islam yang ketiga serta diwajibkan bagi individu yang berkelayakan dan cukup syarat dari sudut harta. Oleh itu, sebagai umat Islam kita dididik untuk menguruskan harta dan kekayaan hanya sebagai instrumen untuk mencari keredhaan Allah SWT. Harta dan kekayaan bukanlah matlamat akhir di dalam kehidupan. Membayar zakat bererti kita mempunyai kesedaran dan “Kepedulian Sosial” untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan seterusnya membentuk kesejahteraan Ummah apabila yang susah dibantu, yang lemah terus disantuni.

Pada hari ini, kesedaran terhadap membayar zakat semakin meluas dalam kalangan umat Islam, sama ada bayaran secara digital atau fizikal termasuk di sektor perniagaan dan korporat. Kita dapat lihat menerusi media bahawa institusi-institusi kewangan, syarikat-syarikat swasta serta badan-badan korporat memastikan zakat perniagaan dibayar terlebih dahulu sebelum mereka mengumumkan pendapatan kewangan tahunan syarikat mereka. Kajian-kajian yang meluas di peringkat universiti tempatan dan luar negara juga dilakukan bagi menjadikan zakat sebagai satu instrumen kewangan yang produktif dan proaktif dalam menyelesaikan masalah ekonomi yang melanda dunia. Oleh itu, bagi memastikan ilmu pengetahuan daripada golongan cendekiawan sampai kepada masyarakat awam, maka usaha dan amalan dakwah zakat melalui institusi kefatwaan seharusnya bergerak seiring supaya dapat mencapai misi yang mulia ini.

---

<sup>1</sup> Abū Ja'far, Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jamī' al-Bayān 'an Takwīl Āy al-Qurān*, (Mekah: Dār al-Tarbiyah wa al-Turāth, t.th) 14:454.

Kajian ini dilakukan bagi menelusuri dan menjelaskan fatwa-fatwa zakat yang diterbitkan oleh institusi kefatwaan di negeri Selangor khususnya dalam merungkaikan kepelbagaian isu kontemporari yang sentiasa perlu diketengahkan supaya objektif zakat terus diperkasakan bagi memberi manfaat kepada umat Islam. Di samping itu, dengan kajian berkaitan kefatwaan zakat memberi ruang medan ilmu diketengahkan serta memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan zakat seterusnya secara tidak langsung menjadi wasilah kepada dakwah zakat masa kini.

## DAKWAH ZAKAT DAN INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA

Dalam konteks pengurusan zakat, pihak ‘*amil* bertanggungjawab membuat kutipan dan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang ditentukan dalam al-Quran. Oleh sebab itu, Allah SWT memberikan kepada ‘*amil* sebahagian peruntukan zakat atas tugas yang mereka lakukan. Firman Allah SWT:

*Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang golongan fakir, dan orang golongan miskin, dan para golongan amil yang mengurusnya, dan para muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan para berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang orang musafir (yang terputus perbelanjaan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu adalah) satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

(al-Tawbah 9: 60)

Menurut al-Qurtubī, ‘*amil* adalah mereka yang menyempurnakan fardu kifayah sebagai pemungut, pencatat, serta pengagih zakat yang berhak mendapat upah daripada pekerjaan tersebut.<sup>2</sup> Malah, Nabi SAW sendiri mengisyaratkan beberapa kemuliaan seorang ‘*amil*. Hal ini dapat dilihat menerusi sebuah hadis daripada Rafī’ bin Khādij RA, bahawa beliau telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

الْعَامِلُ عَلَى الصَّدَقَةِ بِالْحَقِّ كَالْعَازِي فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ إِلَى بَيْتِهِ

*Maksudnya: Petugas (‘amil) yang mengutip sedekah (zakat) secara adil adalah seperti orang yang berperang di jalan Allah hingga dia pulang.<sup>3</sup>*

(Riwayat Abu Daud)

Dalam konteks masa kini, ‘*amil* bertanggungjawab melakukan dua tugas utama iaitu membuat kutipan dan agihan zakat kepada asnaf-asnaf. Tugas kutipan zakat ini datang bersama peranan memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kewajipan membayar zakat, termasuk mendidik masyarakat mengenai hukum-hukum zakat seperti syarat-syarat wajib dan

<sup>2</sup> Abū Abd Allāh, Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī, *al-Jāmi’ Li Ahkām al-Qurān*. (Kaherah: Dār al-Kutub al-Maṣriyyah, 1964) 8:178.

<sup>3</sup> Abū Dāwud al-Asha’ath al-Azdī al-Sijistānī. *Sunan Abū Dāwud*. (Dār Risālah al-‘Ālamīyyah. 2009) no hadis. 2936.

harta-harta yang diwajibkan zakat. Selain itu, pihak *'āmil* bertanggungjawab mengembangkan kutipan zakat melalui pelbagai kaedah seperti meningkatkan kualiti pengurusan dan budaya cara korporat, kempen pelbagai jenis media, saluran pembayaran yang pelbagai dan sebagainya. Kepelbagaian saluran pembayaran seperti pembayaran secara atas talian, skim potongan gaji, kaunter bergerak dan lain-lain perlu diusahakan oleh pihak *'āmil*.<sup>4</sup> Pendekatan inovatif serta penambahbaikan berterusan menghasilkan pelbagai pendekatan ini supaya dapat memudahkan para *muzakkī* (pembayar zakat) dan meraih kepercayaan umat Islam dalam menunaikan kewajipan.

Perkembangan dari sudut pengurusan zakat ini seiring dengan peranan fatwa dalam menanggapi isu-isu kontemporari berkaitan zakat pada masa kini. Di Malaysia, pelaksanaan zakat adalah tertakluk kepada enakmen negeri sebagaimana yang diperuntukkan oleh perlembagaan persekutuan. Penetapan hukum berkaitan zakat juga antaranya telah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa negeri, bahkan terdapat keputusan fatwa yang telah diwartakan sehingga menjadi undang-undang. Justeru dapat dipastikan bahawa fatwa-fatwa mengenai isu zakat telah menjadi suatu kelaziman di Malaysia. Selain itu, kajian-kajian terhadap fatwa-fatwa yang diputuskan juga telah dilakukan, ini jelas menunjukkan bahawa kesinambungan praktis, fatwa dan penyelidikan sentiasa berlaku.

Dalam pengeluaran sesuatu fatwa, Jawatankuasa Fatwa hendaklah berpandukan kepada enakmen-enakmen di negeri masing-masing. Bagi negeri Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Seksyen 54, memperuntukkan bahawa Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qawl muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Shāfi'ī.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan lain boleh digunakan sekiranya didapati pandangan dalam Mazhab Shāfi'ī tidak dapat memenuhi keperluan dan kepentingan masyarakat.

Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qawl muktamad Mazhab Shāfi'ī suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qawl muktamad Mazhab Hanafī, Mālikī atau Hanbalī. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qawl muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qawl muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Kutipan zakat sebagai instrumen kewangan atau harta mestilah selari dengan perkembangan zaman. Kini, harta tidak terhad kepada binatang ternakan, tanaman dan bahan galian semata-mata. Malah, harta telah berkembang dalam pelbagai bentuk seperti matawang digital, pelaburan saham, kepelbagaian kaedah simpanan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya yang memerlukan kepada kajian dan penjelasan hukum syarak.

---

<sup>4</sup> Paizin, Muhsin Nor. "Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian". In *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic* (2014): 482-489.

<sup>5</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003.

## FATWA-FATWA ZAKAT DI SELANGOR

Seiring dengan perkembangan zaman dan keperluan semasa, terdapat banyak isu-isu zakat kontemporari yang timbul dalam kalangan masyarakat dan memerlukan kepada penjelasan hukum yang tuntas dari pihak berautoriti. Institusi fatwa berperanan menjelaskan hukum-hukum dengan berpandukan kepada kaedah *istinbāt* hukum termasuk menilai pertimbangan semasa (*wāqī'*) dan kesan (*ma'ālat*) sesuatu keputusan itu dilakukan. Terdapat beberapa isu yang telah dibincangkan oleh badan kefatwaan khususnya di Selangor iaitu:

- Pembiayaan Mikro dengan Menggunakan Dana Zakat Secara *Qard*

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 21 Mac 2023 telah memutuskan bahawa pembiayaan mikro dengan menggunakan dana zakat di Negeri Selangor oleh mana-mana pihak yang diberikan wakalah agihan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang ditawarkan kepada asnaf fakir dan miskin untuk membiayai perusahaan asnaf adalah harus dilaksanakan menurut hukum syarak. Walau bagaimanapun, keharusan tersebut adalah tertakluk kepada prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, antaranya ialah wakalah zakat bagi tujuan pembiayaan mikro ini hendaklah disempurnakan agihannya secara zat dalam tempoh 3 tahun daripada penerimaan dana wakalah.

Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqahā' berkaitan hukum pemberian zakat secara *qard* kepada asnaf kepada dua kumpulan. Jumhur fuqahā' dalam kalangan mazhab Hanafī, Shāfi'ī dan Hanbalī tidak membenarkannya kerana mereka mensyaratkan pemilikan (*al-tamlīk*) dalam agihan zakat berdasarkan ayat 60 surah al-Tawbah. Manakala pandangan yang mengharuskan pula adalah berdasarkan kepada beberapa hujah antaranya adalah melihat kepada keharusan agihan zakat dalam bentuk modal kerja menurut Imam al-Nawawī.<sup>6</sup> Selain itu, pertimbangan *maslahah* juga diambil kira sepanjang proses pengeluaran fatwa. Konsep *qard* untuk pembiayaan adalah suatu bentuk agihan yang memberi manfaat yang besar kepada asnaf. Pertimbangan berdasarkan *maslahah* adalah salah satu asas penentuan hukum yang banyak digunakan dalam isu zakat kerana zakat bukan hanya ibadah semata-mata tetapi melibatkan sistem kewangan sosial umat Islam dan bertujuan memberi manfaat kepada masyarakat.<sup>7</sup> Perkara-perkara tersebut merupakan antara justifikasi Jawatankuasa Fatwa dalam memilih pandangan ulama yang mengharuskan pembiayaan zakat secara *qard* dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

- Zakat Terhadap Aset Digital

Dengan perkembangan aset seperti *fintech* atau *blockchain* yang mewujudkan *bitcoin* dan seumpamanya telah membuka lapangan baru kekayaan umat Islam. Pada peringkat awal perkembangannya ia berbentuk *point* atau nilai digital dalam kad keahlian. Selain daripada mata dalam kad, perkembangan mata wang juga dikenalpasti bermula dengan transaksi tanpa tunai melalui pengantaraan kad dan bayaran atas talian (wang elektronik). Kemudian kemunculan *cryptocurrencies* mewujudkan mata wang kripto seperti *Bitcoin*, *Ethereum*,

<sup>6</sup> Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawāwī. *Rawḍah al-Tālibīn wa 'Umdah al-Muḥīn*. (Amman, Jordan: Dar al-Fikr, 1991) 2:337.

<sup>7</sup> Yūsuf al-Qardāwī. *Fiqh al-Zakāh al-Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa al-Falsafatihā fi Ḍau' al-Qurān wa al-Sunnah*. 1989) 2:200.

*Stellar Lumen* dan sebagainya. Tidak lama selepas itu, medium e-wallet pula diperkenalkan untuk menggantikan transaksi tanpa tunai. Malah, akaun perniagaan (*e-commerce*) atau kedai dalam talian yang digunakan secara meluas kini seperti yang terdapat dalam Shopee dan Lazada. Akaun seperti ini juga mempunyai nilai, bahkan terdapat sebahagian saham yang bersifat digital yang juga mempunyai nilai. Selain itu, hak akaun yang dibangunkan kemudian jumlah pengikut yang meningkat membuatkan akaun tersebut semakin bernilai. Akaun tersebut mempunyai nilai dan boleh dijual dengan harga yang munasabah. Contoh akaun seperti ini ialah akaun Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya. Dari sini perbincangan-perbincangan hangat telah berlaku antara intelektual Islam untuk melihat kedudukan aset digital seumpama ini. Jika dahulu emas dan perak fizikal menjadi aset tukaran dan bernilai, kini aset maya telah cuba mengambil tempat.

Antara perbincangan utama daripada perspektif Islam terhadap aset digital ini ialah sebahagian intelektual Muslim mengharuskan penggunaannya bahkan menganggap ia akan menjadi satu keperluan mendesak pada masa akan datang. Sepertimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-4/2021 yang bersidang pada 8 Muharram 1443H bersamaan 17 Ogos 2021 telah memutuskan bahawa:

*Harus untuk menjalankan urusan niaga menggunakan mata wang digital sama ada sebagai perantara pembayaran (medium of payment), pemindahan wang (remittance) dan aset simpanan sekiranya memenuhi parameter-parameter tertentu<sup>8</sup>*

Aset digital ini dilihat sebagai harta yang mempunyai sifat *al-Mutaqawwām*, menjadi aset tukaran dan subur, maka secara kasarnya ia merupakan sesuatu yang boleh dilihat dari perspektif kutipan zakat berdasarkan dalil-dalil umum kewajipan zakat menganggap mata wang kripto termasuk kategori '*al-Māl*' yang diwajibkan zakat. Terdapat juga negeri-negeri dan badan lain yang memberikan pandangan atau fatwa yang mengiktiraf aset digital sebagai harta, antaranya adalah:

- Bayan Linnas, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
- Irsyad Hukum, Jawatankuasa Negeri Perak
- Majlis Islam Sarawak
- Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Selain daripada aspek kedudukan aset digital sebagai harta zakat, persoalan mengenai jenis zakat yang perlu dikeluarkan. Secara kasarnya, jenis zakat simpanan, zakat perniagaan, zakat pendapatan (*mal al-mustafād*) dan zakat saham adalah signifikan bagi perbincangan zakat aset digital. Akan tetapi setiap aset digital tidak akan tergolong dalam jenis zakat yang sama. Maka kajian dan penelitian lanjut diperlukan bagi membentuk panduan yang holistik terhadap zakat aset digital dan memperlihatkan zakat sebagai medium kewangan yang proaktif seterusnya dapat meraih kepercayaan masyarakat. Di negeri Selangor, taksiran zakat matawang digital ditaksir seperti berikut iaitu hukum zakat mata wang kripto bergantung kepada jenis kategori iaitu Barang Dagangan (*'Urūd al-Tijrārah*) dan Mata Wang (*Al-Sarf*).<sup>9</sup>

<sup>8</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, Hukum Matawang Kripto (Cryptocurrency): Satu Analisis Syarak. Diakses daripada <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/27/hukum-matawang-kripto-cryptocurrency-satu-analisa-syarak/>

<sup>9</sup>Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak. Irsyad Hukum Urus Niaga Menggunakan Mata Wang Digital (Mata Wang Kripto/Cryptocurrency), 4 Ogos 2021.

- Bantuan Zakat untuk Penggejala Berpanjangan

Sejak wabak Covid-19 melanda negara kita, sebilangan besar bekas pesakit Covid-19 mengalami gejala berpanjangan atau disebut sebagai Sindrom *Post Covid* walaupun telah sembuh sepenuhnya sebelum itu. Menurut kajian klinikal yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melibatkan 1,004 pesakit dari kategori 4 dan 5 yang menerima rawatan susulan, didapati 66 peratus daripada pesakit ini mengalami Sindrom *Post Covid*. Keadaan ini telah menyukarkan penggejala berpanjangan untuk meneruskan rutin kehidupan dan mengganggu pekerja sehingga kekurangan dan terputus sumber kewangan. Melihat kepada keperluan ini, zakat perubatan diberikan kepada penggejala berpanjangan sebagai asnaf *ghārimīn* kerana mereka berhutang untuk keperluan asasi dirinya dan kos perubatan.

Imam Haramayn al-Juwaynī menjelaskan bahawa seseorang itu boleh diberikan zakat melalau asnaf *ghārimīn* apabila dia menanggung hutang untuk kemaslahatan dirinya. Ia merujuk kepada hutang yang dilakukan bertujuan untuk mencukupkan keperluan asasi dirinya dan orang di bawah tanggungannya.<sup>10</sup> Oleh itu, beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh pesakit yang mengalami kesan jangka panjang adalah layak diberi bantuan berdasarkan komitmen mereka untuk mencukupkan keperluan asasi mereka dari sudut kesihatan. Pemberian bantuan zakat perubatan kepada golongan ini melalui asnaf *ghārimīn* menepati maksud yang disebutkan oleh para ulama. Setelah dijelaskan perbincangan *al-gharimin* yang bertepatan dengan konsep, prinsip dan pelaksanaannya melalui Kertas Memohon Fatwa Berkenaan Klasifikasi Bantuan Zakat Bagi Penggejala Berpanjangan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali ke 1/2023, anggota mesyuarat telah mempertimbangkan dan memutuskan bahawa penggejala berpanjangan boleh menerima agihan zakat di bawah asnaf fakir dan miskin.

## PERANAN FATWA DALAM DAKWAH ZAKAT

Fatwa adalah pengkhabaran bagi pihak Allah SWT mengenai hukum syarak berdasarkan perkara yang diminta oleh *mustafī* (penanya).<sup>11</sup> *Mustafī* boleh terdiri daripada kalangan individu, kumpulan tertentu ataupun institusi kerajaan. Fatwa mempunyai kedudukan yang tinggi disisi syarak sehinggakan mufti dianggap sebagai pewaris para Nabi dalam penyampaian hukum syarak kepada masyarakat.<sup>12</sup> Manakala istilah dakwah zakat pula difahami sebagai kaedah menyampaikan pengetahuan zakat kepada masyarakat sehingga boleh membawa kepada peningkatan kutipan zakat. Peranan fatwa dalam dakwah zakat boleh dilihat menerusi beberapa perkara antaranya:

1. Meningkatkan Kutipan Zakat

Kutipan zakat merupakan sasaran utama bagi institusi zakat melihat kepada peranan mereka sebagai *'āmil* yang bertugas mengutip dan mengagihkannya kepada para asnaf. Fatwa berperanan memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kewajipan mereka

---

Diakses daripada [https://mufti.perak.gov.my/images/isu\\_semasa/2021/sept/kripto.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/isu_semasa/2021/sept/kripto.pdf)

<sup>10</sup> Abū Ma'ālī Ḥaramain al-Juwaynī. *Nihāyah al-Maṭlab Fī Dirāyah al-Madhhab*, (Dār al-Minhāj, 2007) 11:553.

<sup>11</sup> Abdul Karim Zaydan. *Uṣūl al-Da'wah*. (Muassasah al-Risalah, 2001) 172.

<sup>12</sup> Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Din bin Sharaf. *Al-Majmū' Sharh al-Muhadhdhab*. (Kaherah: Al-Muniriyyah, 1928).1:40.

menunaikan zakat daripada pemilikan mereka terhadap harta-harta tertentu. Mutakhir ini, pemilikan aset tidak terhad kepada aset fizikal, malah harta-harta bersifat digital seperti matawang kripto, *e-wallet* dan sebagainya merupakan harta yang bernilai pada masa kini. Melalui penyebaran fatwa terkini seperti Fatwa Aset Digital, Fatwa Zakat Fitrah secara tidak langsung boleh meningkatkan kutipan zakat. Penyebaran kefahaman kepada masyarakat hendaklah dilakukan semaksima mungkin dan menyentuh segenap lapisan masyarakat melalui pelbagai medium seperti ceramah, taklimat, seminar dan sebagainya.<sup>13</sup>

## 2. Meningkatkan Kepercayaan Masyarakat

Kepercayaan merupakan faktor keberjayaan sesebuah institusi kewangan sosial sama ada daripada pihak perbankan, *crowd-funding* termasuk institusi agama seperti zakat dan wakaf.<sup>14</sup> Tindak-tanduk institusi zakat yang dikawal selia oleh Jawatankuasa Fatwa menguatkan kepercayaan masyarakat kerana sesuatu keputusan yang dikeluarkan telah melalui proses-proses pengeluaran fatwa yang diperakui keabsahannya. Hal ini berbeza dengan sebahagian institusi kewangan yang bebas membuat keputusan berdasarkan pertimbangan mereka sendiri sebagaimana yang berlaku kepada sebahagian pihak luar yang membuat kutipan dana awam melalui *crowd-funding* yang terdedah kepada risiko penyelewengan.

## 3. Menyatupadukan Masyarakat

Institusi fatwa berperanan sebagai pemutus bagi perkara yang diperselisihkan dalam kalangan masyarakat. Bertepatan dengan kaedah yang disebutkan oleh ulama fikah "*Hukm al-Hākim Yarfa' al-Khilāf*"<sup>15</sup> yang bermaksud ketetapan hakim mengangkat perselisihan. Sebagai contoh, pemberian zakat secara *qard* kepada asnaf merupakan perkara yang diperselisihkan dalam kalangan ulama. Namun, setelah melalui proses kajian, pembentangan dan pertimbangan *maslahah mafsadah* untuk masyarakat, maka satu keputusan dikeluarkan bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Jawatankuasa Fatwa berpandangan bahawa perkara tersebut sesuai untuk dilaksanakan dengan mematuhi kepada syarat-syarat yang dikeluarkan.

## 4. Melahirkan Ijtihad Baru Dalam Kerangka Syarak

Proses mengeluarkan pandangan atau keputusan hukum yang baru berdasarkan prinsip-prinsip syariat Islam merupakan suatu ijtihad. Ijtihad ini penting untuk menjawab isu-isu kontemporari yang tidak dibincangkan secara langsung dalam sumber primer iaitu Al-Quran dan Hadis. Proses ini melibatkan tokoh-tokoh yang pakar dalam pelbagai bidang seperti fiqh, usul fiqh, hadis, akidah dan pemikiran, muamalat dan sebagainya dengan berpandukan kepada dalil syarak serta mengambil kira konteks dan keadaan semasa. Ijtihad baru yang dilakukan mestilah meraikan beberapa elemen penting dalam melahirkan ijtihad baru dalam kerangka syarak antaranya adalah:

- Pengetahuan (*tasawwur*) yang Mendalam Terhadap Sesuatu Masalah: Ulama yang melakukan ijtihad mesti mempunyai pengetahuan mendalam mengenai isu baru

---

<sup>13</sup> Paizin, Muhsin Nor. "*Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian*". In Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic (2014): 485.

<sup>14</sup> Castillo, et al. "*Authoritarianism, Social Dominance and Trust in Public Institution*". (2011). <http://mideuc.cl/wp-content/uploads/2011/11/1107-castillo-miranda-torres-2011-trust-SDO-RWA-ISPP.pdf>

<sup>15</sup> Ahmad bin Muhammad Makkī al-Hanafī. *Ghamz al-'Uyūn Fī Syarḥ al-Asybah wa al-Nazāir*. (Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, 1985) 3:113.



tersebut sebelum memberikan pendapat atau mengeluarkan keputusan. Isu-isu dalam permasalahan zakat memerlukan kepada perincian daripada pihak berautoriti. Al-Quran, Hadis, serta kaedah-kaedah fiqh dan usul al-fiqh.

- Memahami Konteks Semasa: Ijtihad baru harus mengambil kira keadaan dan keperluan masyarakat semasa. Ini termasuk perubahan dalam ekonomi, sosial, dan politik.

Jawatankuasa Fatwa akan diberikan maklumat yang tepat dan terperinci daripada institusi-institusi berkaitan yang memohon fatwa. Sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan, fakta tersebut dinilai dan ditimbang dengan pandangan-pandangan fuqaha' dan dalil syarak. Selain itu, Jawatankuasa Fatwa juga mengeluarkan sesuatu keputusan secara consensus atau disebut sebagai *ijtihād jama'ī* yang lebih dekat kepada kebenaran. Proses ini dilakukan dalam kerangka syarak bagi merungkai sesuatu permasalahan baru yang dirujuk.

#### 5. Menjaga Masalah Institusi Zakat, Pembayar dan Asnaf

Allah SWT menentukan bahawa zakat hendaklah dikutip oleh pihak berautoriti. Perkara ini disebutkan dalam surah al-Tawbah ayat 103:

حُدِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةٌ تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ

*Maksudnya: Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka.*

Berdasarkan perkataan (حُدِّ) yang merujuk kepada maksud “ambillah” dalam ayat di atas para ulama bersepakat ia merupakan satu bentuk arahan kepada pihak pemerintah supaya bertanggungjawab menguruskan kutipan zakat ini.<sup>16</sup> Menurut Imam al-Nawawī, pemerintah wajib untuk melantik ‘*amil* untuk memungut zakat.<sup>17</sup>

Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melalui badan-badan zakat dipertanggungjawabkan untuk mengutip zakat dan mengagihkan zakat kepada pihak asnaf. Institusi ini hendaklah dipelihara kesuciannya dan menjadi tanggungjawab kita untuk mengekalkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi ini. Dalam isu ini, fatwa berperanan menggesa orang ramai agar membuat pembayaran kepada institusi zakat. Penetapan yang dilakukan oleh *Ulil Amrī* akan mewajibkan zakat dibayar kepada institusi zakat sebagaimana yang disebutkan oleh para fuqahā'.<sup>18</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-76 yang berlangsung pada tahun 2006 juga telah menetapkan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pusat zakat adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak. Walau bagaimanapun, perbuatan tersebut dikira melanggar peraturan dan undang-undang dalam perkara kebaikan seperti adalah berdosa.<sup>19</sup>

<sup>16</sup> Wahbah al-Zuhaili. *Tafsīr al-Munīr fi al-'Akīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*. (Beirut: Dār al-Fikr, 1991) 11:27.

<sup>17</sup> Abū Zakariyyā Muhyī al-Din bin Sharaf al-Nawawī. *Al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*. (Amman: Dar al-Fikr, 1928) 6:168.

<sup>18</sup> Badr al-Din Abu Bakar al-Asadi al-Shafi'ī. *Bidāyah al-Muḥtāj Fī Sharḥ al-Minhāj*. (Jeddah: Dar al-Minhāj, 2011) 1:540.

<sup>19</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada' Zakat* (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-76, 21-23 November 2006).

Selain itu, takrifan asnaf juga ditentukan oleh Jawatankuasa Fatwa dengan mengambil kira pandangan para ulama dan keadaan semasa sesebuah masyarakat. Dalam sesetengah asnaf seperti *al-Riqāb*, *Fī Sabilillāh* dan *al-Ghārimīn*, sebahagian ulama meluaskan takrif sesuatu asnaf dan sebahagian lain menyempitkannya. Oleh itu, kepelbagaian pandangan ini diselesaikan oleh institusi fatwa sebagai badan berautoriti dalam hukum syarak. Di Negeri Selangor, takrifan asnaf boleh dilihat melalui Fatwa Agihan Selangor Tahun 1994. Ketetapan ini dilakukan bagi menjaga masalah institusi zakat di negara ini serta memastikan kutipan dan agihan dilakukan dengan teratur dan sistematik yang akhirnya kembali manfaatnya kepada para asnaf.

## KESIMPULAN

Pengeluaran fatwa terhadap isu-isu kontemporari zakat ini adalah satu keutamaan bagi meyakinkan umat Islam secara khususnya di Malaysia bagi mengeluarkan zakat. Fatwa berperanan dalam menentukan hala tuju sistem kutipan sehingga agihan yang boleh dilakukan oleh pihak berautoriti zakat supaya bertepatan dengan roh syarak daripada pensyariatan zakat.

Seiring dengan peranan fatwa ini, pengurusan zakat yang dikelolakan oleh pusat zakat negeri dan Majlis Agama Islam di setiap negeri kini telah memperlihatkan kemajuan yang ketara dengan berlakunya corak perubahan pentadbiran terutamanya dari segi gaya amalan pengurusan yang teratur, usaha penyebaran dakwah dan juga jumlah amaun zakat yang berjaya dikutip meningkat saban tahun dan telah memberi manfaat kepada umat Islam secara keseluruhan merentasi pelbagai aspek. Oleh itu, kejayaan ini mestilah diteruskan, ditadbir urus secara profesional dan diperkasakan setaraf dengan pengurusan-pengurusan institusi kewangan lain seperti cukai, wakaf, amanah, pusaka dan sebagainya.

*‘Āmil* bukan sahaja ‘duta’ yang diberi kuasa untuk menentukan kaedah agihan yang dilihat boleh memberi kemaslahatan kepada asnaf. Malah, para asatizah serta masyarakat awam juga berperanan melakukan tugas dakwah zakat bagi membantu amil meningkatkan kutipan zakat yang akan memberi manfaat kepada para asnaf. Tugas mendidik masyarakat berkenaan zakat ini merupakan satu bentuk dakwah agar masyarakat terus yakin dengan pihak berkuasa dalam menjalankan tugas sebagai amil. Keyakinan masyarakat akan diterjemahkan kepada peningkatan kutipan zakat saban tahun. Oleh itu, sinergi antara badan kefatwaan dan Majlis Agama Islam Negeri diperlukan untuk menjaga institusi zakat agar bergerak dengan berpandukan kepada hukum syarak.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan al-Rahman, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.  
Abū Abd Allāh, Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ Li Aḥkām al-Qurān*.  
Kaherah: Dār al-Kutub al-Maṣriyyah, 1964.  
Ahmad bin Muhammad Makki al-Hanafī. *Ghamz al-‘Uyūn Fī Syarḥ al-Asybah wa al-Nazāir*.  
Beirut: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1985.  
Abū Ja’far, Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jamī’ al-Bayān ‘an Takwīl Āy al-Qurān*, Mekah:  
Dār al-Tarbiyah wa al-Turāth, t.th.  
Abū Ma’ālī Ḥaramain al-Juwainī. *Nihāyah al-Maṭlab Fī Dirāyah al-Madhhab*. Dār al-Minhāj,  
2007.

- Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawāwī. *Rawḍah al-Ṭālibīn wa 'Umdah al-Muftīn*. Amman, Jordan: Dār al-Fikr, 1991.
- Abū Husayn Muslim bin Al-Hajjāj bin Muslim Al-Qusyairī Al-Nīsābūrī (m. 261H). *Sahīh Muslim*, Turki: Dār Al-Ṭibā'ah Al-'Amārah, 1915.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismāīl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damsyiq: Dār Ibn Kathir, Dār al-Yamamah, 1994.
- Abū Dāwud al-Asha'ath al-Azdī al-Sijistānī (m. 275H). *Sunan Abū Dāwud*. Dār Risālah al-'Ālamiyyah. 2009.
- Badr al-Din Abu Bakar al-Asadi al-Syafie. *Bidāyah al-Muḥtāj Fī Syarḥ al-Minhāj*. (Jeddah: Dar al-Minhāj, 2011).
- Castillo, J.C, D Miranda, D & Pablo Torres, P. (2011). *Authoritarianism, Social Dominance and Trust in Public Institution*. <http://mideuc.cl/wp-content/uploads/2011/11/1107-castillo-miranda-torres-2011-trust-SDO-RWA-ISPP.pdf>
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, Hukum Matawang Kripto (Cryptocurrency): Satu Analisis Syarak. Diakses daripada <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/27/hukum-matawang-kryptocryptocurrency-satu-analisa-syarak/>
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak. Irsyad Hukum Urus Niaga Menggunakan Mata Wang Digital (Mata Wang Kripto/Cryptocurrency), 4 Ogos 2021. Diakses daripada [https://mufti.perak.gov.my/images/isu\\_semasa/2021/sept/kripto.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/isu_semasa/2021/sept/kripto.pdf)
- Majlis Islam Sarawak, Fatwa Hukum Penggunaan Mata Wang Kripto (Cryptocurrency) 18 Jun 2021.
- Paizin, Muhsin Nor. Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian. In *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic*, pp. 482-489. 2014.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Bayan Linnas Siri Ke-153: Hukum Penggunaan MataWang Bitcoin, 2018 diakses daripada <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>.
- Wahbah al-Zuhaily. *Tafsīr al-Munīr fī al-'Akīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*. (Beirut: Dār al-Fikr, 1991)
- Yūsuf al-Qarḍāwī. *Fiqh al-Zakāh al-Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa al-Falsafatihā fī Ḍār al-Qurān wa al-Sunnah*. 1989.